

**Sultan Kedah Seru Kerajaan Negeri Terus Salur Bantuan Kepada Golongan Miskin Bernama
15 Januari, 2012**

ALOR SETAR, 15 Jan (Bernama) -- Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah menyeru agar kerajaan negeri terus menyalurkan bantuan kepada keluarga miskin dalam apa juga bentuk demi membela nasib golongan itu di negeri ini.

Dalam titah ucapan yang dibacakan Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah Datuk Seri Tunku Annuar Sultan Badlishah, baginda bertitah pelbagai bentuk bantuan am boleh disumbangkan sama ada melalui kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Zakat atau syarikat-syarikat korporat.

"Beta difahamkan masih terdapat 17,000 keluarga miskin sehingga 31 Oktober 2011 di negeri Kedah. Golongan yang miskin dan tidak bernasib baik akan terus dibela kerajaan beta," titah Sultan sempena perayaan Ulang Tahun hari Keputeraan baginda yang ke-84 di Istana Anak Bukit, di sini hari ini.

Baginda juga berharap agar taraf hidup rakyat akan bertambah baik dan hidup dalam suasana yang harmoni, aman dan sejahtera serta persekitaran yang selamat.

"Aktiviti pembuatan yang kini berkembang dapat terus dimajukan hingga dapat menjadi tumpuan utama dan menarik pelabur asing dan tempatan untuk melabur dan mendirikan kilang perindustrian seperti di Kulim Hi-Tech Park, Sungai Petani, Kuala Ketil, Gurun, Yan dan Bukit Kayu Hitam.

"Kerancangan aktiviti ekonomi telah menghasilkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat negeri ini," titah baginda.

Baginda juga mahu semua pihak supaya memandang ke hadapan dan optimis demi mencapai kejayaan, kemajuan serta kesejahteraan di samping berusaha mencipta lebih banyak kejayaan agar dapat membawa Kedah lebih maju ke hadapan.

Dalam titahnya, Tuanku Sultan turut mengingatkan bahawa jentera pentadbiran dan pengurusan negeri yang cekap dan berkesan amat penting bagi merancang serta melaksanakan dasar serta program kerajaan.

"Berpegang teguhlah kepada konsep amanah yang merupakan asas kepimpinan berintegriti.

"Beta berharap semua pihak terus komited dalam menjalankan tugas dan hendaklah ikhlas, amanah dan telus dalam mengendalikan semua urusan pentadbiran negeri," titah baginda.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640182>

